

# MRT Corp nafi janji beli rumah Pinggir Zaaba

**K**UALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) semalam menafikan dakwaan mereka mengelirukan penduduk di Pinggir Zaaba, Taman Tun Dr Ismail, di sini, berkaitan rancangan membeli rumah mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, penduduk terbabit mengetahui rancangan itu diusul atas niat baik untuk membantu.

“Kami tiada asas untuk membeli hartanah terbabit, tetapi kami tahu mengenai permintaan penduduk dan sebab itu kami cuba mencari jalan termasuk opsyen membeli rumah terbabit.

“Ini hanya hasrat, bukan janji. Untuk pembelian sedemikian perlukan kelulusan kerajaan. Saya sudah beritahu mereka pada

satu mesyuarat bahawa kami hanya ada satu peluang untuk bentang kertas kerja yang baik kepada jawatankuasa khas pelaksana pampasan (SCC).

“Tetapi, SCC tolak cadangan itu atas alasan tiada keperluan dari segi perundangan serta akan menyebabkan satu kes dahuluan untuk masa depan,” katanya pada sidang media di sini.

Sebelum ini dilaporkan 25 pemilik rumah di Pinggir Zaaba berkata, rumah mereka tidak akan dapat didiami akibat kerja pembinaan selain kehadiran jajaran My Rapid Transit (MRT) yang terletak hanya 15 meter dari rumah mereka.

Mereka juga mendakwa MRT Corp berjanji secara lisan untuk membeli rumah terbabit. — Bernama